

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
21 DISEMBER 2012**

1. UCAPAN TERIMA KASIH

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang telah banyak bekerjasama dalam memberi pandangan dan cadangan serta bersama-sama mentadbir ke arah penyampaian perkhidmatan yang cemerlang untuk MPSP sepanjang tahun 2012.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan-rakan MPSP, JKKK, Persatuan Penduduk, NGO's dan semua penduduk Seberang Perai atas kerjasama dengan MPSP.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Rakan Media diatas kerjasama anda memberi liputan tentang aktiviti dan program-program MPSP. Saya berharap supaya kerjasama yang erat ini berkekalan untuk tahun-tahun akan datang.

2. PENCAPAIAN MPSP BAGI TAHUN 2012

Sempena dengan Mesyuarat Majlis Penuh yang terakhir bagi tahun 2012, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa sepanjang tahun 2012, MPSP telah berjaya memperolehi beberapa anugerah seperti berikut:

- Penarafan 4 Bintang, Penilaian Sistem Star Rating Oleh KPKT Bagi Tahun 2010/2011 yang diumumkan pada 26 Mac 2012.
- Penerimaan anugerah “*Outstanding Contribution Towards Sustainability*” daripada Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia pada 23 Jun 2012
- Persijilan semula MS ISO 14001 : 2004 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Sijil Bersih Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011.
- Naib Johan KIK peringkat Negeri Pulau Pinang pada bulan Oktober 2012.
- Anugerah Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Hijau dalam Kategori Laluan Penjalan kaki daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa sempena Hari Perancang Bandar Sedunia pada 7 November 2012.
- Mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi Kategori Tandas Bersih Pejabat Kerajaan pada 23 November 2012.
- Anugerah Penghargaan Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin OKU sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya 2012 pada 3 Disember 2012
- Penarafan 5 bintang dalam Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia 2012 pada 12 Disember 2012

Disamping itu, MPSP baru sahaja menerima 3 lagi anugerah dari Yang Berhormat Dato’ Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan di

KOMTAR pada 20 Disember 2012. Anugerah yang diperolehi adalah :

1. Anugerah Khas dalam kategori Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK)
 - Tajuk: Sistem Cukai Taksiran
(Jabatan Perbendaharaan)

2. Johan dalam kategori Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT)
 - Tajuk: CIRM (*Councillor Information Relations Management*) Sistem Pengurusan Perhubungan Maklumat Ahli Majlis.
(Jabatan Perbendaharaan dan Bahagian Pembangunan Korporat)

3. Anugerah Khas dalam kategori Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)
 - Tajuk: Inovasi Kutipan Tunggakan Cukai Pintu
(Jabatan Perbendaharaan)

Disini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua Jabatan dan semua kakitangan di atas kejayaan ini dan MPSP akan terus berusaha maju ke hadapan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk Seberang Perai.

3. LAPORAN PENCAPAIAN FOKUS MPSP 2012

Pada awal tahun 2012, sebanyak 7 Fokus MPSP telah dibentuk dan pencapaian pelaksanaan Fokus MPSP 2012 dari bulan Januari hingga November 2012 adalah sebanyak 92.95%, manakala peratus pencapaian mengikut Fokus adalah seperti berikut:

FOKUS MPSP 2012	PERATUSAN PENCAPAIAN
Fokus 1: Pembersihan dan Kehijauan	94.42 %
Fokus 2: Menwujudkan Eko-Komuniti	97.07 %
Fokus 3: Perancangan dan Pembangunan	102.33 %
Fokus 4 : Penguatkausaan	72.77 %
Fokus 5: Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos	84.06 %
Fokus 6: Penyertaan Komuniti dalam Pengurusan Fiskal	100.00 %
Fokus 7: Pembinaan Kapasiti Modal Insan	100.00%

MPSP juga akan melancarkan Fokus MPSP 2013 pada Januari 2013 untuk memberi kesinambungan kepada Fokus MPSP 2012.

4. KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Adalah dimaklumkan satu Kajian Kepuasan Pelanggan terhadap Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dijalankan dimana hasil kajian yang diperolehi adalah 85.34 %. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan pelanggan terhadap MPSP adalah seperti berikut:

- 18.46 % - Cemerlang
- 32.28 % - Baik
- 34.60 % - Memuaskan

- 9.93 % - Sederhana
- 4.72 % - Lemah

5. CABUTAN BERTUAH DAN CENDERAHATI TAHUN 2013

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa kutipan yang telah diperolehi sehingga 17 Disember 2012 adalah sebanyak RM11,115,963.27. Cenderahati berbentuk kupon letak kereta percuma telah diberi sebanyak 15,400 buku kepada pembayar cukai dan baki kupon letak kereta percuma yang masih ada adalah sebanyak 9,600 buku. Pemilik premis yang masih belum membuat bayaran cukai pintu tahun 2013 diharapkan agar membuat bayaran dengan kadar segera bagi melayakkan premis anda untuk cabutan bertuah.

Untuk maklumat lanjut mengenai hadiah-hadiah yang disediakan boleh didapati di www.mpsp.gov.my. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi di 04-5497470/471/697/696/695/468 atau e-mail di waran@mpsp.gov.my.

6. PROGAM MPSP GREEN RIDE

Dimaklumkan bahawa program berbasikal MPSP Green Ride bagi daerah Seberang Perai Selatan yang dirancangkan pada 16 Disember 2012 (Ahad), jam 7:00 pagi telah **DITUNDA** ke 6 Januari 2013 (Ahad). Acara pelepasan peserta (flag off) akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas.

Tuan-tuan dan puan-puan yang berada di sini, dijemput hadir ke program tersebut.

7. PEMBAHARUAN LESEN PREMIS DAN PENJAJA MPSP

Sukacita dimaklumkan bahawa Pembaharuan Lesen Premis dan Penjaja MPSP boleh dilakukan pada bila-bila masa di Kaunter Berpusat MPSP dan kaunter-kaunter Pejabat Cawangan MPSP. Semua pemegang lesen MPSP dikehendaki membawa bil lesen MPSP, surat kelulusan pindaan lesen (sekiranya ada) dan salinan Bil Cukai Taksiran MPSP yang terkini untuk proses pembaharuan lesen. Semua pemilik Lesen Premis dan Penjaja MPSP diminta untuk menjelaskan Cukai Taksiran MPSP sebelum membuat pembaharuan lesen tersebut bagi memudahkan proses pembaharuan.

Untuk makluman semua, Lesen Premis dan Penjaja MPSP kini menggunakan tarikh tamat lesen yang berbeza-beza mengikut tarikh kelulusan lesen berkenaan. Pemilik lesen tersebut diminta untuk memastikan lesen mereka diperbaharui sebelum tarikh tamat lesen masing-masing. Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan terhadap pemegang lesen yang tidak memperbaharui lesen mereka. Pembayaran pembaharuan Lesen Premis dan Penjaja boleh dibuat di Kaunter Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda, Bukit Mertajam, Pejabat Cawangan MPSP Butterworth dan Pejabat Cawangan MPSP Jawi.

Sebarang maklumat lanjut bolehlah diperolehi dengan menghubungi talian 04-5497679 / 5497751 / 5497685.

8. SELAMAT MENYAMBUT HARI NATAL DAN SELAMAT TAHUN BARU 2013

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal bagi warga MPSP yang menganut agama Kristian dan juga kepada seluruh penganut agama Kristian di Pulau Pinang yang akan disambut pada 25 Disember 2012 dan Selamat menyambut Tahun Baru 2013.

SEKIAN, TERIMA KASIH.